TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN "RewardPLUS"

Kempen "RewardPLUS" ("Kempen") ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad (No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H)) ("PBB"). Terma dan Syarat yang berikut ("Terma dan Syarat") akan mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 November 2026 hingga 28 Februari 2027**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh PBB ("Tempoh Kempen").

1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

2. Kelayakan

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu PBB berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad ("PIBB") dan Public Investment Bank Berhad ("PIVB") ("Peserta yang Layak").

2.2 Bagi akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa / penjaga bagi pihak kanak-kanak, Peserta yang Layak ialah ibu atau bapa / penjaga yang namanya pertama dalam akaun seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.

2.3 Bagi akaun bersama, Peserta yang Layak ialah pemegang akaun yang namanya pertama dalam akaun bersama seperti yang dinyatakan dalam rekod PBB.

2.4 Mereka yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:

a) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;

b) orang yang tidak waras;

c) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadap mereka; dan

d) orang yang akaunnya dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak bagi Kempen ini ialah Akaun Simpanan PLUS ("PLUS SA")*.

* Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

3.2 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. "Dana Baharu" merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB atau PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam PLUS SA Peserta yang Layak, jika tidak, wang atau dana itu tidak lagi dianggap sebagai "Dana Baharu".

4. Hadiah Bonus

4.1 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak akan layak mendapat satu (1) hadiah ("Hadiah Bonus") seperti yang dinyatakan dalam Jadual A apabila mereka mendeposit Dana Baharu minimum yang berkenaan dalam PLUS SA seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah dan Dana Baharu tersebut berjaya diuntukkan oleh PBB bagi tempoh enam (6) bulan ("Deposit yang Diuntukkan").

Jadual A

Jenis Hadiah Bonus	Dana Baharu minimum untuk didepositkan dalam PLUS SA	Tempoh Untukan
La gourmet Healthy 6L Electric Pressure Cooker - Pro Series	RM88,000	6 bulan
Apple Watch Series 12 GPS 42mm	RM188,000	
Blueair Dehumidifier+Purifier 2-in-1 D26i	RM288,000	

4.2 Sekiranya Deposit yang Diuntukkan dalam PLUS SA dikeluarkan atau dilepaskan sebelum tamatnya Tempoh Untukan atas apa jua sebab selepas Perserta yang Layak menerima Hadiah Bonus, PBB berhak untuk menolak suatu amaun seperti yang dinyatakan dalam Jadual B daripada PLUS SA Peserta yang Layak.

Jadual B

Jenis Hadiah Bonus	**La gourmet Healthy 6L Electric Pressure Cooker - Pro Series**	**Apple Watch Series 12 GPS 42mm**	**Blueair Dehumidifier+Purifier 2-in-1 D26i**
Amaun untuk ditolak daripada PLUS SA	RM520	RM1,781	RM2,639

4.3 Pengeluaran/Pelepasan sebahagian daripada Deposit yang Diuntukkan dalam PLUS SA di bawah Kempen ini adalah tidak dibenarkan.

4.4 Apa-apa Deposit yang Diuntukkan yang dibuat dalam PLUS SA menurut Kempen ini hendaklah bebas daripada bebanan dan tidak akan tertakluk pada apa-apa lien, cagaran, penyerahan hak atau dibenarkan untuk disandarkan bagi apa-apa overdraf atau kemudahan tunai-i, atau apa-apa kemudahan atau pembiayaan lain.

4.5 Peserta yang Layak dibenarkan untuk mendapatkan satu atau beberapa Hadiah Bonus seperti yang dinyatakan dalam Jadual A selagi Peserta yang Layak memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan bagi Hadiah Bonus yang berkenaan.

4.6 Peserta yang Layak mesti mengemukakan arahan bertulis dengan menandatangani "Kempen RewardPLUS : Surat untuk Menguntukkan/Indemniti ("LEI")". Pelaksanaan LEI ini akan dianggap sebagai arahan yang sah dan mengikat kepada PBB untuk menguntukkan PLUS SA bagi tujuan Kempen ini. Sekiranya PLUS SA ialah akaun bersama, LEI mestilah dilaksanakan mengikut mandat pengendaliannya.

4.7 Peserta yang layak dikehendaki menandatangani "Kempen RewardPLUS : Surat untuk Pengeluaran Awal ("LEU")" sekiranya Peserta yang layak ingin membuat pengeluaran awal Deposit yang Diuntukkan dalam PLUS SA di bawah Kempen ini. Sekiranya PLUS SA ialah akaun bersama, LEU mestilah dilaksanakan mengikut mandat pengendaliannya.

4.8 Ketersediaan setiap jenis Hadiah Bonus terhad kepada seratus (100) unit sahaja.

4.9 Hadiah Bonus diberi atas dasar seadanya.

4.10 Hadiah Bonus akan diberi berdasarkan siapa cepat, dia dapat, sementara stok masih ada. PBB tidak bertanggungjawab untuk menggantikan atau menambah Hadiah Bonus itu apabila stok yang ada berkurangan.

4.11 Tiada pilihan warna disediakan.

4.12 Hadiah Bonus tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dirundingi dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barang, sebahagiannya atau sepenuhnya.

4.13 PBB tidak bertanggungjawab bagi apa-apa cukai atau kos sampingan berkaitan dengan Hadiah Bonus ini yang mungkin dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak ketiga disebabkan oleh kelayakan Peserta yang Layak terhadap Hadiah Bonus.

4.14 Apa-apa gambar yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan pemasaran lain ("Bahan Pemasaran") berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi dan tidak menunjukkan warna, model atau spesifikasi sebenar Hadiah Bonus berkenaan. Hadiah Bonus tidak termasuk apa-apa aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam Bahan Pemasaran tersebut.

4.15 PBB berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah Bonus, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dan/atau untuk menambah atau mengurangkan jumlah bilangan Hadiah Bonus.

5. Penghantaran Hadiah Bonus

5.1 Hadiah Bonus akan dihantar ke alamat surat-menyurat Peserta yang Layak dalam rekod PBB dalam tempoh lima (5) bulan dari tarikh untukan Deposit yang Diuntukkan.

5.2 Pemberian dan penghantaran Hadiah Bonus dikendalikan oleh Tri-E Marketing Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200801023827 (825150-M)) yang mempunyai alamat berdaftar di Bilik B13A-4, Menara B, Tingkat 13A, Pejabat North Point, Mid Valley City, No. 1 Medan Syed Putra Utara, 59200, Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan.

5.3 Tri-E Marketing Sdn Bhd akan berurusan secara terus dengan Peserta yang Layak bagi penghantaran Hadiah Bonus.

5.4 Sebaik sahaja menerima Hadiah Bonus, Peserta yang Layak hendaklah memeriksa dan meneliti Hadiah Bonus dengan segera bagi memastikan tiada kecacatan atau kerosakan. Peserta yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi apa-apa kecacatan, kerosakan atau kehilangan Hadiah Bonus.

5.5 Sekiranya Hadiah Bonus tersilap dihantar, cacat atau rosak, Peserta yang Layak hendaklah membuat aduan kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd melalui 03-8076 1313 dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan Hadiah Bonus tersebut. Peserta yang Layak hendaklah menyimpan arahan penyerahan bagi tujuan rujukan.

5.6 Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan berkaitan dengan penghantaran atau Hadiah Bonus yang tidak diterima, Peserta yang Layak hendaklah menghubungi Tri-E Marketing Sdn Bhd melalui nombor telefon yang dinyatakan di atas. Tiada permintaan untuk apa-apa pertanyaan akan dilayani selepas 31 Ogos 2027.

6. Liabiliti dan Tanggungjawab

6.1 PBB menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan Hadiah Bonus. PBB tidak membuat representasi atau jaminan bagi Hadiah Bonus dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah Bonus yang cacat disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau pembuatannya oleh pengilang di bawah jaminan atau tidak. Peserta yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang dan/atau wakil jualan sahnya bagi maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat khusus tersebut untuk pemasangan, spesifikasi, penggunaan atau pengendalian Hadiah Bonus.

6.2 Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan kepada Hadiah Bonus akan berpindah kepada Peserta yang Layak selepas Hadiah Bonus dihantar kepada Peserta yang Layak. PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi atau berkewajipan untuk mengenal pasti atau menggantikan mana-mana Hadiah Bonus yang hilang, rosak atau dicuri.

7. Terma dan Syarat Lain

7.1 Peserta yang Layak tidak akan layak untuk Hadiah Bonus di bawah Kempen ini sekiranya PLUS SA ditutup, ditukarkan, digantung, dibatalkan, ditamatkan, dorman atau tidak aktif sebelum penghantaran Hadiah Bonus.

7.2 PBB berhak untuk menarik balik Hadiah Bonus sekiranya Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat yang mengawal PLUS SA bagi tujuan Kempen ini tidak dipatuhi.

7.3 Penukaran Produk yang Tidak Layak kepada PLUS SA semasa Tempoh Kempen tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.

Ilustrasi
Pelanggan A mempunyai Akaun Simpanan WISE dengan PBB sebelum Tempoh Kempen. Semasa Tempoh Kempen, Akaun Simpanan WISE milik Pelanggan A telah ditukar kepada PLUS SA. PLUS SA Pelanggan A ini tidak dianggap sebagai Produk yang Layak bagi tujuan Kempen ini.

7.4 PLUS SA yang dirangkaikan kepada kemudahan kredit/pinjaman/pembiayaan Peserta yang Layak tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

7.5 Kempen ini tidak sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

8. Terma dan Syarat Am

8.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal PLUS SA (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal PLUS SA, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.

8.2 Peserta yang Layak bersetuju dan mengakui bahawa nama, nombor telefon, alamat surat-menyurat dan nombor pengenalan 4 digit terakhir Peserta yang Layak dalam rekod PBB akan dikemukakan oleh PBB kepada Tri-E Marketing Sdn Bhd bagi membolehkan Tri-E Marketing Sdn Bhd untuk menghantar Hadiah Bonus.

8.3 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan keputusan PBB atas apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga atas apa-apa perkara mengenai Kempen ini dan/atau Hadiah Bonus.

8.4 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada PBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat Peserta yang Layak berkaitan dengan PLUS SA bagi tujuan Kempen ini.

8.5 PBB tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini dan/atau Hadiah Bonus kecuali disebabkan oleh kecuaian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.

8.6 PBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini dan/atau Hadiah Bonus yang ditawarkan dan/atau disiarkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

8.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengehadan terhadap apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini dan Hadiah Bonus di bawah Kempen ini.

8.8 Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan atau berkaitan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.

8.9 PBB berhak untuk:

a) menambah, memotong atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa dan pindaan Terma dan Syarat tersebut akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi yang mengiklankan Kempen ini;

b) membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui penulisan dalam laman web PBB, mempamerkan notis di cawangan PBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung berikutan pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut.

8.10 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.

8.11 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB yang menyatakan bagaimana PBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB atau di mana-mana cawangan PBB.

****

Ruang Selebihnya pada Halaman Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

****